

KHUTBAH JUMAAT

“PEMAKANAN YANG HALAL SATU TUNTUTAN” (8 Januari 2021M/ 24 Jamadilawal 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ .
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :
“Pemakanan Yang Halal Satu Tuntutan”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Islam menuntut umatnya agar memastikan segala yang diambil termasuklah makanan dan minuman, serta pakaian dan barangan yang digunakan, adalah halal lagi baik. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman di dalam surah al-Baqarah ayat 168:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ

إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Halal berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan oleh hukum syarak. Oleh itu, halal bukan sekadar bermaksud sesuatu makanan atau produk itu boleh dimakan disebabkan tiada larangan oleh hukum syarak, akan tetapi halal turut meliputi maksud “baik” (*tayyib*) yakni bersih, suci, selamat, berkualiti dan tidak memudaratkan. Justeru, perkataan 'HALAL' dalam kehidupan itu membawa maksud yang amat luas mengenai tatacara hidup orang Islam yang menitikberatkan aspek *halalan thoyyiba* iaitu kesucian, amalan kebersihan dan kehidupan yang sihat serta halal.

Ibn Kathir *rahimahullah* di dalam kitabnya *Tafsir Ibn Kathir* menyatakan bahawa:

“Perkataan toyyiba itu membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi tabiat dan syarak . Thoyyiba merangkumi dua perkara iaitu soal fizikal dan kerohanian. Ia mestilah selari dengan syariat,

tidak bercanggah dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah subhanahu wata'ala.

Oleh yang demikian, sebagai seorang Islam sama ada peniaga, pengusaha halal atau individu hendaklah mengambil kira setiap perkara sama ada dari segi penggunaan, modal perniagaan, pelaburan, hasil pendapatan produk makanan dan minuman, barangan yang diniagakan hendaklah dijauhi dari unsur-unsur yang haram seperti judi, riba, rasuah mengurangkan sukatan, barangan bersumberkan najis dan sebagainya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam konteks pemakanan, makanan yang hendak dimakan, dipilih atau diproses mestilah berasaskan *halalan toyyiban*. Makanan yang halal dan baik di sisi syarak adalah makanan yang bersih zatnya, suci kaedah perolehannya dan bebas dari sebarang kemudharatan terhadap kesihatan serta keselamatan.

Pada masa yang sama, kita berkewajipan untuk menjauhi makanan yang haram. Sesuatu makanan yang haram sekalipun lazat rasanya dan harum baunya, tetap keji di sisi Allah *subhanahu wata'ala* kerana di sebalik perkara yang haram itu terdapatnya bahaya dan kemudharatan.

Selain daripada itu, pemakanan yang haram akan membawa kesan buruk yang mendalam kepada tingkah laku, budi pekerti, kejernihan hati nurani dan penerimaan doa yang dipanjatkan ke hadrat Allah *subhanahu wata'ala*.

Dalam erti kata yang lain, panduan pemakanan di dalam Islam adalah berlandaskan konsep “*memberi kemudahan, menjaga nyawa, menjamin kesihatan tubuh badan dan akal*”. Kerana itu setiap makanan dan minuman yang memberi manfaat kepada tubuh badan dan akal fikiran adalah dibenarkan oleh syarak, manakala yang haram dan memudharatkan fikiran serta badan diharamkan dan ditegah. Firman Allah *subhanahu wata’ala* di dalam surah al-Nahl ayat 114-115 yang bermaksud:

“Oleh itu, makanlah (wahai orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingini dan tidak melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa), Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Sesungguhnya, perkara yang halal lagi baik hendaklah menjadi keutamaan kita, manakala yang haram dan tidak baik semestinya dihindari. Kita juga dituntut agar menjauhi barang-barang *syubhah* yang mengelirukan dan tidak jelas hukumnya, kita sepatutnya berwaspada supaya tidak mengambil atau mencubanya melainkan setelah dipastikan kehalalannya dan kebaikannya. Sebabnya, pengambilan makanan dan minuman yang *syubhah* boleh

mengheret kepada penggunaan barangan yang haram secara tidak disangka-sangka. Ingatlah pesan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di dalam sabdanya:

((طَلَبُ الْحَالَالِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ))

Maksudnya: Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap muslim.

(Hadith riwayat Imam Muslim)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan isu daging seludup yang menimbulkan keraguan kepada masyarakat Islam berkaitan dengan status halal daging yang berada di pasaran. Dalam hal ini, terdapat beberapa cara yang boleh kita lakukan bagi memastikan sumber makanan kita itu halal, antaranya:

Pertama : Pilihlah premis atau produk yang mempunyai logo halal yang diiktiraf oleh pihak yang berautoriti seperti logo Halal Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan logo halal dari badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

Kedua : Kita perlu berwaspada dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan tentang amalan kebersihan dan keselamatan makanan.

Ketiga : Memastikan rezeki dan makanan adalah bebas daripada unsur syubhah. Perlu diingat bahawa seseorang yang

mengamalkan gaya hidup dengan mengambil berat aspek rezeki dan pengambilan makanan halal lagi baik serta menggunakan barangan dan peralatan yang bebas dari unsur najis adalah di antara tanda orang yang beriman.

Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ma'idah, ayat 88:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِء مُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksudnya: Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri

kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أُنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.